

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NASIONAL

Sinar Anad M/s 21 Nasional 1/6/2025 (Ahad)

Pengantin baharu dalang jual dadah dalam cecair vape

MELAKA – Kegiatan pasangan pengantin baharu yang disyaki menjana pendapatan dengan menjual vape mengandungi cecair campuran dadah termasuk kepada pelajar sekolah akhirnya berjaya ditumpaskan polis dalam satu serbuan di Jasin Bestari pada Isnin.



Pasangan yang baru tiga bulan mendirikan rumah tangga itu terdiri daripada seorang lelaki warga Singapura berusia 41 tahun dan isterinya, seorang wanita tempatan berusia 38 tahun.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LAPORAN KHAS

laporan khas

Mimo Ahad 1/6/2025 Laporan Khas 1/6/2025 (Ahad)

30 KALI GANDA LEBIH MAHAL

Sindiket dadah tukar selera edar bunga ganja susulan permintaan tinggi

Oleh Nurul Husna Mahmud
dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket dadah kini dikesan cenderung mengedar bunga ganja iaitu bahagian kuntum bunga kanabis susulan permintaannya yang tinggi.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Deputy Komisioner Mat Zani @ Mohd Salahuddin Che berkata, bunga ganja lebih sukar diperoleh di negara ini berbanding ganja.

"Berdasarkan siasatan, bunga ganja boleh didapati melalui laman sosial dan platform e-dagang.

"Sindiket dipercayai mengimport benih ganja dan menanam pokok ganja menggunakan teknologi canggih sebelum hasil bunga ganja dijual secara eksklusif kepada pelanggan tertentu," katanya kepada Metro Ahad.

Mat Zani berkata, bunga ganja

terbukti jauh lebih mahal berbanding ganja biasa di pasaran gelap bagi tempoh 2023 hingga tahun ini.

Menurutnya, bunga ganja dipercayai bahagian tumbuhan ganja yang mengandungi kandungan tetrahydrocannabinol (THC) paling tinggi.

"Harga bunga ganja boleh mencecah sehingga 30 kali ganda lebih mahal daripada ganja biasa berdasarkan nilai pasaran gelap.

"Ia dijangka menjadi alternatif kepada ganja biasa yang sering datang dari bekalan tradisional seperti mampatan ganja Thailand atau tempatan.

"Ia lebih mudah diperoleh dan digunakan oleh pasaran umum pada kos lebih murah iaitu sekitar RM3,200 per kilogram (kg)," katanya.

Katanya, pihak berkuasa percaya bahawa cecair vape 'khalay' sememangnya menggunakan eks-

trak ganja iaitu THC yang biasanya diperoleh daripada bunga ganja sebagai ramuan utama.

"Pada Julai 2023, polis menumpaskan kegiatan tiga beranak yang mencampurkan 'jus ganja' ke dalam puluhan botol cecair vape.

"Sindiket ini menjual cecair vape mengandungi kanabis itu pada harga sekitar RM240 sebotol dan juga menjualnya secara dos kecil iaitu antara RM3 hingga RM5 setitik kepada pelajar sekolah yang tidak mampu membeli satu botol penuh.

"Kes lain yang dikesan di Kuala Lumpur pada Januari 2023 pula menyaksikan rampasan 3.5 liter cecair ganja yang diproses menjadi perisa vape ganja.

"Sindiket yang ditahan di Brickfields itu membottolkan cecair THC dalam botol 5 milimeter (ml) dan menjualnya pada harga RM60 setiap satu," katanya.

Beliau berkata, pihak JSJN ada mengesan dan mengambil tinda-

kan terhadap kegiatan penjualan bunga ganja di seluruh negara.

"Kira-kira 13 tangkapan melibatkan kes berkaitan bunga ganja dilakukan di Kuala Lumpur dan Selangor selain satu kes di Negeri Sembilan bagi tempoh 2023 hingga tahun ini (setakat April lalu).

"Penjualan atau penggunaan sebarang produk ganja termasuk bunga ganja adalah haram dan boleh dikenakan hukuman berat," katanya.

Menurutnya, kesalahan mengedar dadah jenis ganja lazimnya disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup.

"Orang ramai diingatkan supaya tidak terbabat dengan aktiviti pengedaran atau penyalahgunaan ganja meskipun ia muncul dalam bentuk baharu seperti 'bunga

ganja' atau vape berperisa ganja.

"Pihak polis juga menggesa masyarakat, terutama golongan muda supaya tidak terpedaya dengan trend baharu dadah itu dan menyedari bahaya serta implikasi undang-undang berkaitan dengan-

nya," katanya.

“Ia dijangka menjadi alternatif kepada ganja biasa”
Mat Zani

ANTARA KES RAMPASAN BUNGA GANJA

■ 23 APRIL 2025

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman menumpaskan sindiket pengedaran bunga ganja bernilai RM2.64 juta untuk penahanan dua lelaki yang juga dalam sindiket. Polis menampas ketulan disyaki bunga ganja dengan berat keseluruhan 75.51 kilogram.

■ 17 APRIL 2025

Sindiket dadah cuba menyeludup bunga ganja melalui Pusat Mel dan Kuala Lumpur Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan mengiytharkan 36.071 kilogram (kg) bunga ganja bernilai RM3.6 juta sebagai buku, pakaian dan alat permainan.

■ 15 MAC 2025

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman menumpaskan sindiket penyeludupan dan pengedaran ganja di utara Semenanjung susulan rampasan 147.67 kilogram (kg) ganja selain bunga ganja seberat 1.075 kg bernilai lebih RM487,000 di Plaza Tol Sungai Dua dan Plaza Tol Juru menghala arah selatan.

■ 14 MAC 2025

Polis menampas dadah bunga ganja seberat 42.3 kilogram (kg), methamphetamine (1.6 gram), dan ganja (0.4 gram) dengan nilai rampasan RM483,722 hasil penahanan dua lelaki yang menggunakan rumah sewa kuaran yang ditempah dalam talian sebagai transit penyimpanan.

■ 12 NOVEMBER 2024

Sebanyak 689 paket makanan ringan yang disyaki mengandungi campuran ganja, bunga ganja, cendawan dan cecair rokok elektronik diangkutkan bernilai RM46.2 juta dirampas polis menerusi serbuan terhadap sebuah unit kondominium di Damansara.

'Menyusup' menerusi penggunaan vape

Kuala Lumpur: "Bunga ganja mengandungi kadar delta-9-tetrahydrocannabinol (THC) iaitu kandungan kimia yang boleh merangsang gejala psikosis.

"Penagih yang mengam-bilnya bakal mengalami 'euforia' dan 'lalok' sehingga cenderung kepada gejala psikosis serius seperti paranoia dan halusinasi," kata pakar psikiatri penagihan Pusat Perubatan Pakar Universiti Malaysia (PPUM) dan Pensyarah Perubatan di Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) Dr Rusdi Rashid.

Beliau mengulas bunga ganja diseludup atau dijual menerusi pasaran gelap dilaporkan kerap dirampas di lapangan terbang serta sempadan negara bagi tujuan penagihan.

Tambahnya lagi, meskipun rampasan bunga ganja kerap dilaporkan media kebelakangan ini, penggunaan bunga ganja sudah lama berlaku.

"Apa yang membimbangkan apabila ramuan bunga ganja diformulasi dengan campuran bahan berbahaya untuk dijadikan dadah sintetik yang boleh merosakkan kesihatan penagih zaman kini. THC yang ter-

lalu tinggi pada bunga ganja sudah semestinya memberi kesan khalay dan efek di-lingini kepada penagih," katanya.

Menurutnya, meskipun ada kajian menggunakan THC sebagai rawatan kanser dijangka di negara namun implikasi terhadap individu yang sedia memiliki masalah psikologi boleh menyebabkan keadaan penagih menjadi semakin buruk.

"Ia sangat berbeza dengan kanabidiol (CBD) yang bermanfaat merawat penyakit sawan dan multiple sclerosis. Ia pernah dibenarkan digunakan di Malaysia suatu ketika dulu.

"Bunga ganja yang digunakan dalam pasaran gelap ketika ini dipercayai sudah diubahsuai menjadi dadah sintetik bertujuan mening-

katkan efek ketagihan berbanding rawatan alternatif merawat penyakit lain," katanya. Ujar Dr Rusdi, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, kes diadukan ke pusatnya menunjukkan implikasi penagihan yang jauh lebih buruk.

"Saya juga mendapati, dadah sintetik yang diedarkan oleh pengedar dan pembuat dadah ketika ini jauh lebih

'advance' sehingga pakar tidak dapat mengesan kandungan campuran dadah lain digunakan.

"Kes ketagihan diterima semakin rumit. Malah saya turut menerima aduan kanak-kanak mula terjebak ke khalay penagihan dadah," katanya.

Modus operandi jualan dadah juga sudah maju iaitu 'menyusup' menerusi penggunaan rokok elektronik dan vape.

"Paling berbahaya ketika ini adalah penemuan penggunaan ganja di dalam vape oleh golongan belia penagih.

"Lebih menakutkan apabila ramai murid sekolah rendah turut terjebak dalam gejala penagihan ganja berpunca dari vape yang dihisap.

"Kita sedia maklum kaedah ganja diambil menerusi sedutan paip atau rokok dan kini vape pula terdedah risiko penagihan ganja," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LAPORAN KHAS

metro Ahad 1/6/2025 (Ahad)

Bahagian paling kuat

Kuala Lumpur: Bunga ganja atau dikenali dengan panggilan 'buds' atau 'nugget' lebih berbahaya berbanding daun ganja berikutan mengandungi paling banyak bahan khayal (THC) sehingga 30 peratus atau lebih.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Ruslin Jusoh berkata, bunga ganja adalah bahagian paling kuat dari pokok ganja.

"Ia terletak di bahagian atas pokok dan mengandungi paling banyak THC yang menjadi bahan utama sehingga menyebabkan penagih berasa cepat khayal."

"Walaupun masih dari pokok ganja yang sama, bunga ganja jauh lebih kuat kesannya berbanding daun atau batang pokok ganja biasa. Ia biasanya digunakan melalui cara menghisap seperti rokok, dimasukkan dalam makanan atau minuman (edibles), atau dijadikan cecair untuk vape (rokok elektronik)," katanya.

Menurutnya, bunga ganja juga dikategorikan sebagai dadah berbahaya mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kajian antarabangsa mendapati, kesan penyalahgunaan ganja ini meliputi dua perkara iaitu kesan halusinogenik yang mengganggu pandangan, persepsi sehingga mengakibatkan pengguna na berhalusinasi.

"Kesan kedua pula ialah depressants yang memberi kesan menenangkan, tapi masih boleh melemahkan kawalan otak dan tubuh," katanya.

Menurutnya, terdapat kristal halus berkilau dipanggil trichomes yang penuh dengan bahan khayal THC pada bunga ganja.

"Kandungan THC sangat tinggi iaitu antara 15 peratus hingga 30 peratus atau lebih."

"Kesan penagihan bunga ganja menyebabkan penagih lebih cepat khayal, lebih kuat, dan boleh menyebabkan gangguan fikiran dan emosi yang lebih teruk," katanya.

Menurutnya, ia berbeza bahagian daun ganja yang mempunyai kandungan THC lebih rendah sekitar dua peratus hingga lima peratus sahaja.

"Kesannya masih boleh menyebabkan pengguna khayal, tetapi lebih lemah dan tidak seteruk penagihan bunga ganja," katanya.

Menurutnya, bunga ganja turut boleh menyebabkan penagih berasa terlalu euforia (keseronokan melampau), mood berubah-ubah secara ekstrem, atau halusinasi sekiranya mengambil dalam dos yang tinggi.

Kuala Lumpur: Implikasi buruk bunga ganja bukan hanya kepada penghisap dadah itu, malah mereka yang terhidu asap dadah berkenaan.

Kajian mengenai kesan penggunaan ganja di rumah yang tidak memiliki sistem pengudaraan baik mendapati terdapat kesan buruk termasuklah risiko terdedah kepada gejala psikosis.

"Kanak-kanak antara paling ter-

lembaga selepas mengambil bahan itu namun, ada juga yang overdose sehingga menghadkan pergerakan atau berfikir dengan waras."

"Hakikatnya penggunaan bunga ganja dalam penagihan bukanlah perkara baharu."

Namun ia semakin popular sejak beberapa tahun belakangan ini.

"Dahulu, kebanyak orang menggunakan daun ganja untuk menghisap atau membuat minyak, tetapi kini makin ramai memilih bunga ganja kerana mempunyai kandungan THC yang lebih tinggi," katanya.

Ruslin berkata, walaupun bunga ganja sudah lama wujud, ia kini lebih banyak diseludup dan digunakan di pasaran gelap berikutan kesannya yang lebih kuat dan permintaan yang meningkat.

"Walaupun masih dari pokok ganja yang sama, bunga ganja jauh lebih kuat kesannya berbanding daun atau batang pokok ganja biasa"



APA BEZA BUNGA GANJA DAN DAUN GANJA DARI SEGI BENTUK DAN KESAN ?

Bunga ganja (Buds)

- Bahagian paling atas pokok ganja.
- Bentuknya padat, bulat atau menegak, dan biasanya dikeringkan.
- Ada kristal halus berkilau (dipanggil trichomes) yang penuh dengan bahan khayal THC.
- Kandungan THC sangat tinggi: antara 15% hingga 30% atau lebih.
- Kesannya lebih cepat khayal, lebih kuat, dan boleh menyebabkan gangguan fikiran dan emosi yang lebih teruk.

Daun ganja

- Daun biasa yang besar dan lebar.
- Tidak sepadat bunga, bentuknya lebih nipis dan ringan.
- Kandungan THC lebih rendah: sekitar 2% hingga 5% sahaja.
- Kesannya masih boleh menyebabkan pengguna khayal, tetapi lebih lemah dan tidak seteruk bunga ganja.



Implikasi buruk 'serang' yang terhidu

lembaga apabila ibu bapa menghisap ganja (termasuk bunga ganja) di rumah.

"Malah perokok sekunder (second smoker) dikatakan menyerap kadar toksin lebih tinggi daripada ganja berbanding penagih ganja terbahagi."

Kajian lain turut mendapati penggunaan ganja seawal usia remaja boleh memberi kesan buruk seperti gangguan di sistem aktiviti otak yang berupaya menjejaskan daya tumpuan, motivasi dan memori," katanya.

Bahayanya bunga ganja juga boleh menjejaskan penagih yang semangnya memiliki gejala psikosis.

"Bunga ganja yang mengandungi THC boleh memburukkan implikasi gangguan mental yang dihadapi."

Penghisap ganja sudah memiliki masalah psikologi seperti bipolar, schizophrenia dan psikosis lain apabila menggunakan ganja, kandungan kimia buruk THC boleh memburukkan gejala dihadapi mereka.

"Mereka lebih mudah mengalami delusi dan halusinasi apabila menagih ganja."

Ternyata fungsi kognitif dan tahap kesihatan psikologi boleh merosot terutama apabila diambil di awal usia," katanya.

Risiko lain bunga ketagihan ganja juga boleh meningkatkan risiko strok, serangan jantung, dan penyakit kardiovaskular yang lain.

"Penggunaan ganja telah dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser tertentu, terutamanya kanser kepala, leher atau tekak, dan juga boleh menyebabkan sindrom hiperemesis cannabinoid (CHS)."

"Kesan kepada ibu mengandung ialah boleh menyebabkan sekatan pertumbuhan janin, kelahiran prematur dan masalah perkembangan bayi," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : MEDIK

Sinar Plus m/s 12 Medik 1/6 (2015) (Bina)

Penyakit kawasaki: Ancaman senyap terhadap jantung anak

Tidak semua gejala akan muncul serentak, kadangkala boleh disalah anggap sebagai penyakit virus biasa

Oleh NOR HAFIZAH MD SHAH

BU bapa mana yang tidak risau apabila melihat anak yang sebelum ini sihat tiba-tiba jatuh sakit walaupun hanya demam biasa.

Noor Safira Nafieysa Che Abdullah Suheimi dan suaminya, Mohd Fardhir Mohd Zaki melalui detik mencemaskan apabila menyangka anak mereka, Muhammad Fareez Mateen yang berusia tiga tahun hanya demam biasa.

Kerisauan melanda apabila keadaan si kecil tidak menunjukkan perubahan dalam masa tiga hari malah bertambah teruk.

Lebih membimbangkan, mata anak bertukar kekuningan, tubuhnya menjadi lemah dan kelenjar di leher membengkak. Lantas itu, si ayah terus membawa anaknya ke klinik untuk melakukan ujian darah.

Doktor yang merawat mengesyaki penyakit kawasaki dan memberikan surat rujukan ke hospital.

Setelah dimasukkan ke wad, ubat demam dan antibiotik yang diberikan langsung tidak berkesan. Kesihatan si kecil itu semakin merosot, bibirnya mula merekah dan berdarah.

"Pada hari ketiga menerima rawatan di Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah UIAM, Kuantan, doktor memberikan ubat imunoglobulin intravena (IVIG) sebanyak 12 botol untuk jangka waktu 12 jam.

"Alhamdulillah, pada keesokan hari anak sudah mula aktif dan berselera untuk makan" ujarnya lagi.

Hari ke lima di hospital, darah anaknya

menjadi pekat dan sukar untuk doktor membuat rawatan. Oleh itu, si kecil dinasihatkan untuk mengambil ubat aspirin untuk tempoh enam minggu.

Tindakan awal ibu dan ayah mampu menyelamatkan anak ini daripada kesan yang lebih kritikal terutama masalah jantung.

Penyakit tersebut mungkin masih asing bagi segelintir masyarakat.

Namun, ia tidak boleh dipandang ringan kerana merupakan sejenis penyakit radang salur darah atau vasculitis yang kerap menyerang kanak-kanak berusia bawah lima tahun.

Walaupun kesnya tidak banyak, namun kesan jangka panjang sangat berbahaya jika tidak dirawat dengan segera.

Menurut Pakar Kanak-Kanak dan Bayi Putra Specialist Hospital, Melaka, Dr Adam Al-Anas Mat Ali, penyakit ini membabitkan kira-kira 200 hingga 300 kes bagi setiap 100,000 kanak-kanak, terutamanya dalam kalangan bangsa Asia.

Penyakit tersebut berlaku apabila sistem imun tubuh bertindak balas secara berlebihan sehingga menyerang salur darah bersaiz sederhana, termasuk salur darah koronari di jantung.

Statistik menunjukkan kanak-kanak lelaki lebih berisiko menghidapinya.

Punca sebenar masalah kesihatan itu masih tidak diketahui. Ia mungkin mempunyai kaitan dengan faktor genetik.

Apa yang pasti, ia bukan penyakit berjangkit.

Pembentukan darah beku

Rawatan awal amat penting bagi mengelakkan komplikasi serius seperti salur darah jantung yang mengembang secara tidak normal, serta pembentukan darah beku atau thrombosis yang boleh menyebabkan serangan jantung.

Penyakit ini kebiasaannya berlaku dalam tiga fasa dengan pelbagai gejala yang sering disalah anggap sebagai penyakit biasa seperti demam campak

atau jangkitan virus.

Pesakit lazimnya mengalami demam berpanjangan lebih lima hari, walaupun sudah diberikan ubat demam. Mereka kelihatan lemah, tidak aktif dan hilang selera makan. Mata menjadi merah tanpa pengeluaran tahi mata, bibir kering dan merekah, lidah berubah menjadi merah terang dan kasar, sering digambarkan sebagai lidah strawberi.

Ruam juga boleh muncul pada bahagian dada, perut atau sekitar dubur, selain bengkak dan kemerahan pada tangan serta kaki. Kelenjar limfa di leher, biasanya sebesar sahaja, turut membengkak.

Kulit di hujung jari tangan dan kaki akan mula mengelupas apabila memasuki fasa seterusnya.

Disebabkan gejala yang pelbagai itu, diagnosis awal sangat penting. Ujian darah boleh membantu mengesan tanda keradangan, manakala ekokardiogram dan elektrokardiogram (ECG) digunakan untuk menilai fungsi jantung dan keadaan arteri koronari.

Sekiranya terdapat komplikasi, kanak-kanak tersebut perlu dirujuk kepada pakar jantung dan pakar penyakit berjangkit untuk pemantauan lanjut.

Rawatan utama bagi penyakit ini adalah imunoglobulin intravena (IVIG) yang diberikan melalui titisan. Paling berkesan jika diberikan dalam tujuh hari pertama selepas bermulanya demam.

Selain itu, aspirin turut diberikan dalam dos tinggi untuk meredakan keradangan dan kemudian diteruskan dalam dos rendah bagi mencegah pembekuan darah.

Dari segi kesan jangka panjang, jika Kawasaki menjelaskan jantung, komplikasinya boleh kekal sepanjang hayat. Antaranya ialah pembengkakan kekal pada salur darah jantung, pembentukan parut yang menyebabkan gangguan aliran darah, serta risiko serangan jantung pada usia muda.

Kanak-kanak yang terlibat juga mungkin perlu mengelakkan aktiviti lasak tanpa pengawasan pakar.